

Bil. S 31

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Penggantian gelaran panjang kepada Penggal 68.
 3. Pindaan bab 93.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LALULINTAS JALAN RAYA (PINDAAN), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lalulintas Jalan Raya (Pindaan), 2006.

Penggantian gelaran panjang kepada Penggal 68.

2. Akta Lalulintas Jalan Raya, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memansuhkan gelaran panjang dan menggantikannya dengan gelaran panjang baru yang berikut —

"Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi mengawalselia lalulintas di atas jalan raya dan perkara-perkara lain berkenaan dengan jalan raya dan kenderaan di atasnya, bagi penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan bagi pengangkutan, bagi penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan bagi pembinaan dan penyesuaian kenderaan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya".

Pindaan bab 93.

3. Bab 93 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian {2}, dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan {33A} —

"{33B) membenarkan langkah-langkah diambil untuk mengawal lalulintas, di tempat-tempat di mana kanak-kanak menyeberang jalan dalam perjalanan mereka ke sekolah atau dari sekolah, oleh orang-orang selain daripada pegawai-pegawai polis;".

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 25 haribulan Februari, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**